

SEMBAH UCAPAN
OLEH YH. DATO' PROF. DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN
NAIB CANSELOR UPM
SEMPENA MAJLIS GEMILANG AKADEMIA PUTRA
28 JULAI 2022, JAM 9:00 PAGI
BERTEMPAT DI DEWAN BESAR, PUSAT KEBUDAYAAN DAN
KESENIAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Bismillahirrahmaanirrahim,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh Dan Salam
Sejahtera,

**Mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris
Shah AlHaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz
Shah AlHaj.**

Sultan Selangor dan Tuanku Canselor Universiti Putra Malaysia.

Ampun Tuanku

Patik, bagi pihak warga Universiti Putra Malaysia memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah dan rahmat-Nya, maka Duli Tuanku dapat berangkat ke **Majlis Gemilang Akademia Putra** pada hari ini. Patik sekalian menjunjung kasih atas perkenan Duli Tuanku mencemar duli berangkat untuk bersama-sama warga **UPM** pada hari yang amat bermakna ini. Hari ini merupakan apresiasi

dan pengiktirafan kepada warga UPM yang telah memberikan khidmat bakti yang cemerlang dan menaikkan nama UPM di arena pendidikan tinggi negara dan global.

Patik mohon perkenan Duli Tuanku untuk patik meyampaikan ucapan kepada hadirin yang hadir pada pagi ini,

Ampun Tuanku,

-#Rujuk Salutation-

Saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanallahu Taala, kerana atas limpah rahmat Nya, kita semua dapat hadir bagi bersama-sama meraikan kecemerlangan warga Universiti Putra Malaysia dalam bidang kepakaran dan sumbangan kepada pembangunan masyarakat dan negara.

UPM selaku peneraju pendidikan pertanian di negara ini, bersesuaian dengan status universiti penyelidikan, akan sentiasa memperkukuh usaha bagi memberi manfaat kepada masyarakat dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Sidang hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Sebagaimana kita maklum, UPM baru-baru ini berjaya melonjakkan kedudukan dalam beberapa penarafan universiti terbaik dunia antaranya berada pada kedudukan pada tangga ke-123 dunia dalam QS World University Ranking 2023, serta dinobatkan sebagai "Most Sustainable University in Malaysia" apabila diletakkan pada kedudukan terbaik di Malaysia bagi UI Green Metric. UPM juga menerima anugerah berprestij 'Clarivate South and Southeast Asia Innovation Awards 2021' kategori Institusi Akademik yang merupakan penerima tunggal dari Malaysia untuk kategori berkenaan. Kesemua pengiktirafan ini menunjukkan pengukuhan reputasi dan prestasi universiti secara kolektif seiring dengan tema ***Sederap Melangkah Menuju al-Falah.***

Pada tahun 2021, para akademia UPM telah mendapat banyak pengiktirafan dan kejayaan sama ada pada peringkat nasional mahupun antarabangsa antaranya Profesor. Ir. Ts. Dr. Mohamed Thariq Bin Haji Hameed Sultan dari Fakulti Kejuruteraan merangkul anugerah di "2021 10th World Invention Creativity Olympic"; Profesor Dr. Ahmed Osumanu Haruna dan Dr. Latifah Omar dari Institut Ekosains Borneo (IEB) memenangi lima anugerah dalam pameran di 13th European Exhibition of Creativity and Innovation, EUROINVENT 2021, Iasi, Romania; Dr. Ramiza Darmi dan Dr. Ilyana Jalaluddin dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi serta Dr. Liliati Ismail dari Fakulti Pengajian Pendidikan memenangi pingat emas di Seoul

International Invention Fair; Prof. Dr. Hamidon Basri, Ketua Jabatan Neurologi, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan telah dilantik sebagai President, Asian and Oceanian Association of Neurology; Dr. Wan Nor Fitri Wan Jaafar yang menerima Geran Anugerah Merdeka bagi Penempatan Antarabangsa (MAGIA) edisi ke-8 2021; Prof. Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban dan Prof. Ir. Dr. Wan Azlina Wan Ab. Karim Ghani dari Fakulti Kejuruteraan telah dianugerahkan sebagai Top Research Scientists Malaysia (TRSM) 2021; dan banyak lagi pencapaian yang membanggakan serta mengharumkan nama Universiti Putra Malaysia.

Selain kejayaan yang ditunjukkan oleh staf, mahasiswa UPM juga turut menyumbang kepada kecemerlangan universiti apabila dinobatkan Pemenang Anugerah Pembentang Lisan Terbaik di Wood & Biofibre International Conference 2021; Tempat ketiga kategori Undergraduate 180 Seconds of Your Research Studies 2021; memenangi pingat emas dalam acara Taekwando Poomsae Lelaki; pingat emas dan perak dalam pertandingan The Malaysian Piano Competition dan lain-lain lagi.

Sejarah tercipta buat UPM apabila program yang dirangka khas untuk menyemarakkan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UPM sebagai universiti telah memberikan impak dengan penyertaan terbesar iaitu seramai 6,203 orang alumni. Program ini telah dinobatkan sebagai rekod penyertaan terbesar dalam acara kecergasan alumni universiti di The Malaysia Book of Records.

UPM sentiasa mengalu-alukan serta menggalakkan bakti alumni kepada universiti. Untuk makluman hadirin sekalian, baru-baru ini, misi **UPM di Puncak Dunia@Everest** oleh alumni UPM iaitu Encik T. Ravichandran merealisasikan impian mengibarkan bendera UPM di puncak Everest pada tarikh keramat 12 Mei 2022 dengan tanda palang (*Hastag*) #DaripadaAlumniKepadaUPM. Beliau juga merupakan rakyat Malaysia pertama mengibarkan Jalur Gemilang gunung kedua tertinggi dunia, K2 di Pakistan. **Keluarga UPM** amat berbangga dengan kejayaan ini.

Para hadirin yang dikasihi Allah SWT,

UPM telah menghasilkan sebanyak 3,396 penerbitan dalam jurnal berindeks. Bilangan penerbitan pada Q1 dan Q2 meningkat dari 1,106 pada 2019 kepada 1,936 pada 2021, iaitu peningkatan sebanyak 75.05%. Dengan peningkatan jurnal yang berkualiti ini telah sekaligus melihatkan peningkatan yang ketara bagi sitasi dari tahun ke tahun dengan jumlah peningkatan sebanyak 59.58% dari 78,092 pada tahun 2019 kepada 124,616 pada tahun 2021.

UPM juga berjaya merealisasikan hasrat dan peranan Universiti sebagai institusi "**Universiti untuk Masyarakat**" melalui pelaksanaan 23 projek komuniti **berimpak tinggi** walaupun negara berdepan dengan pandemik COVID-19. Projek komuniti yang dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab UPM ini secara

keseluruhannya turut memberi fokus kepada pemindahan ilmu kepada komuniti untuk terus menyebarkan kepakaran Universiti sebagai **Menara ilmu** untuk turun ke lapangan seiring dengan slogan UPM "**Berilmu Berbakti**".

Para hadirin yang dikasihi Allah SWT,

UPM akan sentiasa berusaha menjadikan kampus hijau ini sebagai sebuah **Menara Ilmu** yang sesuai kepada perubahan dan perkembangan sezaman dengan warganya yang bertekad tinggi dan terus berusaha meneroka pelbagai bidang ilmu terutamanya dalam bidang pertanian. Selain itu juga, UPM akan terus komited melahirkan modal insan yang mempunyai kemahiran sahsiah yang tinggi dan madani insan termasuk peranan dan libat sama alumni dalam kelangsungan Universiti. Seajar dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi agar UPM menjadi sebuah universiti terkemuka di peringkat antarabangsa, Semoga warga UPM dapat meneruskan komitmen jitu dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah selari dengan hala tuju universiti yang berpandukan kepada Pelan Strategik UPM 2021-2025.

Sidang hadirin yang dikasihi Allah SWT,

Sempena Majlis Gemilang Akademia Putra ini, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada panel yang telah menyempurnakan amanah menilai calon-calon yang tersenarai. Syabas dan tahniah kepada warga UPM yang cemerlang dalam

sumbangan mereka dan berharap mereka ini menjadi aspirasi kepada semua untuk terus cemerlang.

Akhir kata, setinggi penghargaan dan syabas kepada semua yang menjayakan Majlis Gemilang Akademia Putra. Ini adalah kerana komitmen tinggi mencerna idea, memerah tenaga, menyempurna kerja, menzahir upacara, sehingga majlis yang merupakan penganjuran kali ini terlaksana dengan penuh ceria. Semoga segala usaha murni kita ini diredhai dan diberkati oleh Allah SWT dan berdoa agar segala yang direncanakan ini akan dipermudahkan Allah SWT serta berjalan lancar. Semoga kita sentiasa beroleh kerahmatan dan keberkatan hidup di dunia dan di akhirat serta usaha kita ini Allah ganjari sebagai amal kebaikan yang dinilai sebagai suatu ibadah dan bekalan di akhirat kelak.

Ampun Tuanku

Demikianlah ucapan yang ingin patik sampaikan kepada para hadirin. Patik sekali lagi merafak sembah dan menjunjung kasih atas kesudian Duli Tuanku berangkat datang bagi menyempurnakan Majlis pada hari ini. Patik sekalian berdoa semoga UPM akan terus maju di bawah naungan Duli Tuanku.

Menjunjung Kasih Tuanku

Wabillahi taufik wal hidayah,

Wassalaa mualaikum warohmatullahi wabarokaatuh.